

Praktis Tatabahasa

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Guru disiplin meminta _____ pengawas yang baru dilantik itu agar mendengar taklimat dengan telitinya.
A para C separuh
B segala D setengah
- Media sosial _____ mendatangkan manfaat jika digunakan dengan bijaknya.
A telah C sudah
B dapat D sedang
- Farel membantu lelaki kurang upaya itu masuk ke _____ keretanya.
A tepi C dalam
B atas D bawah
- Zaidi _____ disayangi oleh majikannya kerana sikapnya yang amanah.
A betul C benar
B sekali D sangat

B. Padankan ayat-ayat berikut dengan jawapan yang sesuai.

1 Rahsia keharmonian rakyat berbilang bangsa di negara ini _____ sikap toleransi.	• tidak
2 Qairina _____ berjaya mematahkan hujah pihak lawan kerana dia terlalu gemuruh.	• akan
3 Gyeong Min ialah pelajar dari _____ negara yang sangat meminati bahasa Melayu.	• memang
4 Kisah tentang pejuang kemerdekaan itu _____ difilemkan.	• ialah
5 Geena _____ suka membaca karya sastera tempatan.	• -nya
6 Gun Woo menyaksikan persembahan tarian zapin itu dengan khusyuk _____.	• luar



Revisi Pantas

Kata Bilangan

- Kata bilangan tak tentu 'para' dan 'segala' digunakan untuk menyatakan bilangan yang tidak tentu atau tidak diketahui.
- Kata bilangan pecahan 'separuh' dan 'setengah' digunakan untuk menunjukkan maksud pecahan.

Kata Bantu

- Kata 'telah', 'dapat', 'sudah', dan 'sedang' ialah contoh kata bantu.

Kata Arah

- Kata 'tepi', 'atas', 'dalam', dan 'bawah' digunakan untuk menunjukkan arah.

Kata Penguat

- Kata penguat 'betul', 'sekali', dan 'benar' mesti terletak di belakang kata adjektif.